

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KESAN DAN LANGKAH
PENAMBAHBAIKAN AGIHAN ZAKAT
TERHADAP ASNAF DI DAERAH
KUCHING, SARAWAK**

**MOHAMAD MAHADHIR
BIN MOHAMAD AZRI**

Tesis ini dikemukakan bagi
memenuhi keperluan pengurniaan ijazah
Sarjana Pengajian Islam Kontemporari

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Julai 2025

ABSTRAK

Corak agihan zakat di Kuching terjejas oleh kos sara hidup tinggi, akses ekonomi terhad, dan kelemahan sistem agihan. Bantuan zakat sering tidak mencukupi, peluang pekerjaan sukar diperoleh, dan birokrasi melambatkan pengagihan. Justeru, kajian ini dibangunkan bertujuan untuk mengkaji kesan langkah penambahbaikan dan agihan zakat terhadap asnaf di Daerah Kuching, Sarawak, dengan tiga objektif utama: mengenalpasti corak agihan zakat, menganalisis kesannya, dan menghasilkan cadangan penambahbaikan. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran, menggabungkan teknik pengumpulan data kualitatif dan kuantitatif. Fasa kualitatif melibatkan kaedah temubual dengan pegawai pengurusan zakat dan penerima asnaf terpilih untuk mendapatkan pandangan tentang proses dan cabaran pengagihan. Fasa kuantitatif merangkumi penggunaan tinjauan soal selidik berstruktur untuk mengukur kesan zakat terhadap status sosio-ekonomi. Ia melibatkan sampel secara bertujuan terhadap asnaf fakir dan miskin sejumlah 265 responden, iaitu 102 lelaki dan 163 perempuan. Data yang dikumpul dari kaedah temubual dan soal selidik dianalisis menggunakan analisis tematik untuk data kualitatif dan analisis statistik perisian *IBM SPSS Statistic 28* untuk data kuantitatif. Dapatan kajian berkaitan corak agihan zakat menunjukkan bahawa pihak Tabung Baitulmal Sarawak dengan giat mempelbagaikan jenis agihan zakat, namun ia masih belum memenuhi sepenuhnya kebajikan penerima zakat ekoran daripada kos sara hidup tinggi, dan akses ekonomi terhad. Sementara dapatan kajian berkaitan kesan agihan zakat menunjukkan bahawa responden merasakan agihan zakat telah memberikan kesan positif dan menyeluruh terhadap kehidupan asnaf, termasuk dalam aspek material, pengetahuan dan keberagamaan. Seterusnya dapatan berkaitan cadangan penambahbaikan mengenalpasti tujuh rekomendasi berkaitan kediaman, sokongan kesihatan, keperluan harian, pendidikan, bantuan khas untuk Orang Kelainan Upaya (OKU), penambahbaikan logistik dan komunikasi, serta sokongan kewangan. Selain daripada cadangan umum ini, kajian ini juga merumuskan tiga cadangan khusus, iaitu penyediaan tiket penerbangan untuk pelajar, penubuhan skim biasiswa khas, dan penambahbaikan dalam proses penyelarasan agihan zakat. Sebagai kajian lanjutan, penyelidik mencadangkan skop kajian seperti kajian longitudinal untuk menjejaki kesan jangka panjang zakat terhadap asnaf, dan kajian perbandingan merentasi wilayah yang berbeza untuk mengenal pasti amalan terbaik dalam pengurusan zakat.

Kata kunci: Pengagihan Zakat; Kebajikan Asnaf; Impak Sosio-Ekonomi; Pengurusan Zakat; Pembasmian Kemiskinan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian hanyalah kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kajian ini telah dapat disempurnakan dengan sebaiknya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW penghulu sekalian para Nabi dan suri teladan sepanjang zaman.

Tidak dapat dinafikan, proses penyediaan dan penulisan tesis ini, telah melalui pelbagai cabaran dan rintangan. Kepada Allah SWT jualah tempat memohon taufik dan qada' dan qadar-Nya jua saya telah mendapat bimbingan dan kerjasama dari pelbagai pihak. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia yang amat saya hormati Profesor Madya Dr. Hadenan bin Towpek dan Profesor Madya Sharifah Anom atas segala bimbingan dan tunjuk ajar serta bantuan yang beliau berikan kepada saya selama ini terutamanya semakan setiap bab tesis, aspek metodologi penyelidikan dan analisis kajian. Selain itu, ucapan penghargaan ini ditujukan kepada semua pensyarah di ACIS UiTM Shah Alam dan Samarahan, kakitangan Ibu Pejabat Tabung Baitulmal Sarawak, Ibu Pejabat Majlis Islam Sarawak khasnya dan agensi Islam di Sarawak amnya yang sentiasa memahami serta memudahkan urusan kerja dan secara tidak langsung melancarkan lagi proses kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga teristimewa buat bonda tercinta [REDACTED] yang sentiasa mendoakan anak-anaknya dan juga buat ayahanda tersayang Mohamad Azri bin Jos kerana selalu memberi dorongan kata-kata semangat yang tiada hujungnya. Terima kasih atas segala pengorbanan semua. Semoga tesis ini memberi manfaat sepenuhnya kepada umat khasnya di Sarawak dan amnya di Malaysia serta selainnya. Kepada Allah SWT jualah tempat memohon pertolongan.

Mohamad Mahadhir bin Mohamad Azri
No. 114 Kuching Family Park,
Jalan Sultan Tengah, Petra Jaya,
93050, Kuching, Sarawak.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PERAKUAN PANEL PENILAI	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
SENARAI KEPENDEKAN	xv
JADUAL TRANSLITERASI	xvi
 BAB SATU: PENDAHULUAN	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	10
1.3.1 Jurang Pendapatan dan Perbelanjaan	10
1.3.2 Budaya Kebergantungan Pada Zakat	12
1.3.3 Isu Lebihan Kutipan Berbanding Agihan	13
1.4 Persoalan Kajian	15
1.5 Objektif Kajian	15
1.6 Skop dan Limitasi Kajian	16
1.6.1 Aspek Kajian	16
1.6.2 Aspek Lokaliti Kajian	16
1.6.3 Jenis Responden	19
1.7 Kepentingan Kajian	19
1.7.1 Pihak Akademia	20
1.7.2 Pihak Institusi Islam	20
1.7.3 Badan Bukan Kerajaan /Aktivis Islam	21
1.7.4 Pihak Masyarakat	21
1.8 Definisi Operasional Kajian	22
1.8.1 Kesan	22
1.8.1 Langkah Penambahbaikan	23
1.8.3 Agihan Zakat	23
1.8.4 Asnaf	25
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	26
1.10 Pembahagian Bab Kajian	27
1.11 Penutup	29
 BAB DUA: TINJAUAN KAJIAN LEPAS	 30
2.1 Pengenalan	30
2.2 Konsep Agihan Zakat	31
2.3 Corak Agihan Zakat	37
2.4 Kesan Agihan Zakat	45
2.5 Implikasi Kajian	48
2.6 Penutup	54

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Zakat merupakan suatu kewajipan utama dalam kalangan orang-orang Islam sebagai rukun Islam yang kelima. Nilai dasar zakat ini bukan sahaja melambangkan syiar amalan ibadat yang wajib bahkan juga memberi aspirasi pemahaman dan falsafah yang begitu penting dalam pembangunan dan kemajuan anggota masyarakat yang berupa memenuhi keperluan kebajikan mereka. Tambahan pula, zakat juga diakui mempunyai nilai sosioekonomi yang tinggi selaras dengan fungsinya merapatkan jurang kemiskinan dan membantu menampung kos perbelanjaan asas kehidupan seharian terutamanya dalam kalangan orang-orang yang menanggung bebanan kehidupan yang berat.

Amalan berzakat juga menggambarkan kehidupan masyarakat Islam yang sangat mementingkan semangat tolong-menolong antara satu dengan yang lain, sehinggakan mendahulukan kepentingan dan keperluan saudara-saudaranya yang lain berbanding dengan kepentingan dan keperluan sendiri. Nilai persaudaraan yang tinggi ini merupakan buah keimanan mantap hasil didikan dan tarbiyah rohaniyah yang benar-benar ikhlas kepada Allah SWT. Perkara inilah yang diumpamakan dalam sebuah hadis Nabi SAW yang menggambarkan hubungan persaudaraan umat Islam diibaratkan sebagai sebuah bangunan yang saling kukuh-mengukuh dan sokong-menyokong. Syiar persaudaraan ini bukan hanya dalam bentuk bantuan dan pertolongan dari sudut tenaga semata-mata, tetapi juga syariat Islam turut membimbing dan mendidik umatnya supaya menghulurkan apa-apa sahaja bantuan dan pertolongan termasuklah berupa wang dan harta benda. Amalan berzakat ini dilakukan bukanlah kerana sifat menunjuk-nunjuk pemilikan kekayaan, ataupun mengharapkan puji-pujian dan sanjungan manusia, tetapi ia adalah manifestasi daripada cetusan keimanan kepada Allah SWT yang mengharapkan keredhaan hidup dan keberkatan harta. Sehubungan perkara ini, Allah SWT telah memberi peringatan dan panduan supaya menunaikan amalan ibadat hanya mengharapkan keredhaanNya sebagaimana firmanNya dalam al-Quran, iaitu: